

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SABANI BINTI
MAT**

TARIKH : 18 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (Public Service Vehicle-PSV) yang dikeluarkan kepada pemandu-pemandu 'e-Hailing' setakat ini dan berikan butiran mengikut negeri. Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk melanjutkan tempoh untuk pendaftaran PSV untuk kenderaan 'e-Hailing'.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 16 Disember 2019, sebanyak 140,672 orang pemandu telah mendaftar untuk menjalani kursus teori PSV (Teksi/ e-hailing) selama enam (6) jam di 234 buah institusi latihan pemanduan yang diiktiraf Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia di seluruh negara. Pendaftaran ini juga sentiasa dibuka kepada mana-mana pemandu taksi/ kereta sewa/ taksi mewah/ e-hailing sedia ada atau pemandu baharu yang berminat untuk menyertai dan dilesenkan dengan lesen PSV (Teksi/ e-hailing).

2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97,285 orang pemandu telah lulus ujian PSV (Teksi/ e-hailing) dengan jayanya dan dikeluarkan lesen memandu vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) di seluruh negara. Negeri Selangor merekodkan jumlah pendaftaran dan pengeluaran lesen PSV (Teksi/ e-hailing) yang tertinggi iaitu 25,554 pemandu memandangkan pecahan pemandu adalah lebih tertumpu ke kawasan Lembah Klang. Negeri kedua tertinggi adalah Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pecahan lengkap mengikut agihan negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil IM	Jumlah Calon Daftar	Jumlah Calon Hadir Kursus	Jumlah Calon Lulus	Jumlah Calon Kandas
Perlis	2	671	614	428	186
Kedah	19	3,438	3,100	2,724	595
P. Pinang	9	7,588	6,114	6,310	3,957
Perak	27	3,503	3,396	2,052	1,344
Selangor	25	36,331	35,839	25,554	9,601
WPKL	6	11,795	10,509	10,301	2,521
N. Sembilan	11	11,361	10,677	9,888	5,204

NO. SOALAN: 13

Melaka	7	1,596	1,581	1,025	556
Johor	29	9,901	8,296	6,377	6,034
Pahang	16	3,501	3,134	2,532	1,669
Terengganu	12	625	471	440	206
Kelantan	14	607	575	638	70
Sabah	24	5,231	5,147	3,304	1,719
Sarawak	29	2,617	2,514	2,192	626
e-Hailing operator	4	41,907	35,248	23,520	11,683
JUMLAH	234	140,672	127,215	97,285	45,971

Sekian, terima kasih.